

Parlimen: Kerajaan Diminta Benar Lebih 800 Graduan Tukar Status Pinjaman Bernama
19 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Seorang anggota Dewan Rakyat mencadangkan kerajaan menimbang permohonan 831 graduan yang mendapat kepujian kelas pertama untuk menukar status pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mereka kepada biasiswa.

P Kamalanathan (BN-Hulu Selangor) berkata Kementerian Kewangan perlu memberi pertimbangan sewajarnya kepada permohonan itu kerana ia dapat mengurangkan beban bayaran balik pelajar terbabit, yang kebanyakannya berasal daripada keluarga sederhana.

"Seramai 831 graduan ijazah kelas pertama ini tak dapat menukar pinjaman mereka kerana mereka telah memulakan pengajian dalam pengambilan Julai 2005, Disember 2005 dan Julai 2006," katanya ketika membahaskan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Parlimen Isnin.

Selain itu, surat perjanjian pelajar berkenaan juga tidak menyebut mengenai penukaran status pinjaman kepada biasiswa yang disebabkan peruntukan kerajaan, dan keadaan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

Dalam pembentangan bajet 2010, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pinjaman PTPTN ditukar kepada biasiswa bagi pelajar yang berjaya menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dengan kepujian kelas pertama atau setaraf mulai tahun 2010.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653358>